



**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua**

**Sidang Akademik 1997/98**

**Februari 1998**

**EBS 409/2 - Undang-Undang Perlombongan**

**Masa: [ 2 jam ]**

---

**Arahan kepada Calon:-**

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA (5)** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Kertas soalan ini terbahagi kepada Bahagian A dan B dan mengandungi **ENAM (6)** soalan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan , DUA (2) soalan dari Bahagian A dan  
DUA (2) soalan dari Bahagian B.

Mulakan jawapan anda bagi setiap soalan pada muka surat yang baru.

Semua soalan mesti di jawab dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

**BAHAGIAN A**

1. Dibawah "Peraturan-Peraturan Berkenaan Lombong Dedah" terangkan dengan jelas tentang peraturan-peraturan yang dikenakan ke atas operasi melombong berhampiran jalan raya atau berhampiran jalan keretapi.

(100 markah)

2. Bahagian II dari Akta Kilang Dan Jentera, 1967 adalah berkenaan Keselamatan, Kesihatan Dan Kebajikan pekerja-pekerja.

Bincangkan tentang :-

(a) Empat dari peruntukan yang berkaitan dengan Keselamatan;

(b) Empat dari peruntukan yang berkaitan dengan Kesihatan;

(c) Empat dari peruntukan yang berkaitan dengan Kebajikan;

(100 markah)

3. Terangkan dengan jelas perbezaan-perbezaan :

(a) Antara Sijil Melombong dengan Pajak Melombong;

(20 markah)

(b) Antara Lesen Mencarigali dengan Permit Mencarigali diatas Tanah Kerajaan;

(20 markah)

(c) Antara Lesen Untuk Menggunakan Air dengan Lesen Air;

(30 markah)

(d) Antara Sijil Kelayakan dengan Sijil Kecekapan;

(30 markah)

**BAHAGIAN B**

4. Anda dilantik sebagai pengurus sebuah kuari baru di negeri Perak di atas tanah pajakan di bawah Kanun Tanah Negara. Di dalam kawasan tanah ini terdapat sebuah bukit batu kapur dan juga kawasan rata yang mencukupi dengan jumlah keluasan 60 hektar. Kedudukan tanah ini ialah lebih kurang 2.8 kilometer daripada kampung yang terhampir. Kuari ini akan mengeluarkan batuan untuk memberi bekalan bahan mentah kepada loji-loji pembuatan kapur yang berhampiran. Beri penerangan ringkas mengenai tindakan-tindakan yang perlu dilakukan oleh anda di bawah Kaedah Kuari Perak 1992 dan Akta Bahan Letupan 1957 untuk membolehkan tanah ini dikerjakan sebagai sebuah kuari.

(100 markah)

5. [a] Menurut Akta Bahan Letupan 1957, ianya ditakrifkan bahawa "*bahan letupan ertinya serbuk letupan, nitrogliserin, dinamit, kapas letupan, serbuk peledak, fulminat merkuri atau logam-logam lain, api berwarna dan tiap-tiap benda lain yang digunakan atau di kilang bagi maksud menghasilkan suatu efek praktikal melalui letupan atau suatu efek piroteknik dan termasuklah alat isyarat kabus, bunga api, fius, roket, kap letupan, peletus, kertus, segala jenis amunisi dan tiap-tiap padanan atau sediaan sesuatu bahan letupan, apa-apa benda bagi membuat sesuatu bahan letupan dan apa-apa radas, mesin, alat atau benda yang digunakan atau dimaksud untuk digunakan atau disesuaikan bagi menyebabkan atau membantu menyebabkan sesuatu letupan dalam atau dengan sesuatu bahan letupan dan mana-mana bahagian sesuatu radas, mesin atau alat sedemikian*".

Ammonium nitrat digunakan dengan meluas di lombong-lombong dan kuari-kuari sebagai salah satu komponen untuk membuat bahan letupan seperti ANFO di tempat kerja sebelum dimasukkan ke dalam lubang ledakan. Dalam Industri, adakah ammonium nitrat dikelaskan sebagai letupan? Berikan sebab-sebab terhadap jawapan anda

(50 markah)

- [b] Apakah maksud perkataan mineral seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Pembangunan Mineral 1994 dan apakah implikasinya jika sesebuah hartanah (selain daripada Pajakan Melombong) yang sepatutnya mengeluarkan hasil batuan tetapi memperolehi mineral atau logam dan mendapat hasil darinya.

(50 markah)

6. [a] Sepertimana yang diperlukan oleh Kaedah Kuari Perak 1992;

(i) Siapakah konsultan?

(20 markah)

(ii) Apakah tugas-tugas pengurus kuari?

(50 markah)

- [b] Berikan tiga daripada tugas-tugas am yang diperlukan daripada majikan dan orang yang bekerja sendiri di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

(30 markah)

ooOoo